

23/07/2000

Pas pertikai kenyataan PM

KUALA TERENGGANU: Pas tidak menolak kemungkinan ada ahli Pas menyertai kumpulan Al-Ma'unah, tetapi dakwaan kononnya sebahagian besar anggota kumpulan itu adalah ahli Pas, boleh dipertikaikan.

Naib Presiden Pas, Mustafa Ali berkata jumlah sebenar ahli Pas terbabit dalam kumpulan Al-Ma'unah hanya diketahui selepas kerajaan mengeluarkan kertas putih.

Beliau berkata, jika Umno mendakwa ada ahli Pas terbabit, Pas juga boleh berbuat demikian kerana perkara itu belum jelas.

Katanya, Pas juga mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kebanyakan daripada 1,800 orang anggota kumpulan Al-Ma'unah di seluruh negara adalah ahli Pas.

(END)